



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 100-4/10 Vol.3

Tarikh : 23 November 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Negeri,
Semua Pegawai Daerah,
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil.

YBhg Datuk/Tuan/Puan,

PENGAGIHAN SEMENTARA FUNGSI PENYEMAKAN BAUCAR DAN PUSAT PEMBAYARAN BAGI TEMPOH 09 NOVEMBER 2020 SEHINGGA 08 DISEMBER 2020

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Surat pekeliling Jabatan ini rujukan 100-4/10 Vol.3 bertarikh 10 November 2020 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg Datuk/Tuan/Puan, Seksyen Penyemakan Baucar yang terpaksa ditutup sebelum ini akan mula beroperasi semula seperti sedia kala pada 26 November 2020. Dengan itu, tempoh bagi arahan dan kuasa yang diberikan seperti dalam surat pekeliling Bil JBNS 100-4/10 Vol.3 Perenggan 2.1, Perenggan 2.2 dan Perenggan 2.3 adalah dengan ini dipendekkan ke **25 November 2020**.
3. Walaubagaimanapun, semua baucar yang diterima sehingga **25 November 2020** oleh Jabatan Mengakaun Sendiri hendaklah terus diproses seperti dalam **Perenggan 2.2 Pekeliling 100-4/10 Vol.3**. Jabatan ini juga memohon supaya jumlah bilangan baucar dan nilai keseluruhan bayaran yang telah diluluskan dikemukakan segera kepada Jabatan ini untuk tujuan rekod.
4. Sekali lagi Jabatan ini mengucapkan terima kasih di atas sokongan, kerjasama, bantuan dan tindakan segera pihak YBhg Datuk/Tuan/Puan dalam memastikan perkhidmatan pembayaran yang berterusan dan lancar.

Sekian. terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SABAH MAJU JAYA"**

(MARY ANGELA SIPAUN) (CA(M), FCPA(A), ACPA)
Bendahari Negeri

MAS/JA/dcm

